



**DEKATI JAMIEL:** Penyanyi tempatan, Jamiel Said, bakal mengadakan satu persembahan showcase, Malam Akustik bersama Jamiel Said, pada malam ini di Esplanade Waterfront. – Foto TAUFIK A. KADER

# Kongsi muzik dengan Mat Salih

Jamiel Said jelajah Eropah selepas sahut undangan buat persembahan di Finland

► **NURMAYA ALIAS**  
nurmayaa@sph.com.sg

SATU undangan privet untuk membuat persembahan muzik di Helsinki, Finland, telah membawa penyanyi dan penggubah lagu, Jamiel Said, menjelajahi lebih daripada satu negeri di Eropah.

Ia satu kembara yang beliau tidak sangkakan pada Mac tahun lalu yang sekali gus memberinya peluang berkongsi muziknya bersama 'Mat Salih' di sana.

Jamiel, 30 tahun, telah diterbangkan ke Helsinki untuk satu acara privet oleh seorang pelanggan Russia setelah satu pertemuan di sini.

Tatkala berada di depan penonton, beliau sedar betapa benarnya ungkapan "muzik itu universal".

"Saya telah menyanyikan lagu asli saya, *Nafasku* dan *Ballerina*, dalam bahasa Melayu dan penonton beritahu saya bahawa mereka suka lagu saya.

"Ia membuat saya sedar bahawa muzik tidak kenal bahasa atau bangsa tetapi ia boleh membuat orang dibuai emosi," kata Jamiel yang telah menceburi bidang muzik pada usia matang, 28 tahun.

Artis di bawah label Moro Records itu telah mer-

akamkan single pertamanya, *Nafasku*, terbitan Art Fazil dua tahun lalu.

Video muzik *Nafasku* yang dimuat naik ke YouTube pernah mencapai lebih 3,000 tontonan dan juga diterima sebagai lagu deringan telefon untuk pelbagai syarikat perhubungan di Malaysia

Menurut Jamiel lagi, beliau kemudian mengambil peluang mengunjungi Amsterdam, Munich, Verona, Venice, Nice, Barcelona, Paris dan London seorang diri selama sebulan setelah tamatnya persembahan itu.

Oleh kerana ingin berkongsi muziknya, beliau tanpa segan silu memetik gitar sambil menyanyi di tempat-tempat awam seperti taman, kafe, di depan menara Eiffel dan di atas sebuah istana di Nice, Perancis.

Hasrat Jamiel yang mahu menghiburkan khalayak ramai di Barcelona berubah menjadi satu kejutan manis apabila beliau mendapat tawaran untuk membuat satu persembahan di Hotel Hilton di London.

"Saya tak boleh bayangkan perkara sebegitu boleh terjadi dalam hidup saya kerana rasanya macam satu babak filem," kata Jamiel yang pernah dicalonkan kategori Vokal Terbaik (Artis Baru Lelaki) bagi Anugerah Planet Muzik 2013.

Tanpa rasa curiga atau khuatir, Jamiel, anak sulung tiga beradik, menerima tawaran itu kerana 'mat salih' itu tampil jujur dan sanggup membayar tiket penerbangan serta penginapannya di kota itu.

Walaupun beliau tidak menyanyikan lagu aslinya, beliau gembira dapat kepercayaan membawa

10 lagu buat penonton di sebuah acara privet di hotel tersebut.

Kisah kembara Jamiel ialah antara pengalaman yang bakal dikongsi dalam satu persembahan showcase, *Malam Akustik bersama Jamiel Said*, di Esplanade Waterfront pada malam ini.

Selain pengalaman mengembara di Eropah, Jamiel juga pernah bermain bersama sebuah band dari Bangkok, Thailand, selepas melepak dengan sekumpulan anak muda di negeri itu.

"Pengalaman mengembara telah memberi satu kesedaran bahawa manusia sejagat boleh bersatu menerusi muzik tidak kira apa sempadannya," kata Jamiel, lulusan ijazah Sarjana Muda bidang Pemasaran dari Universiti Pengurusan Singapura (SMU).

Beliau juga bakal berkongsi tentang perjalanan seninya yang penuh dengan pelbagai rintangan.

"Saya banyak bersyukur atas doa ibu bapa dan teman-teman saya. Semasa saya mengembara, ia buat saya lebih rapat dengan Allah kerana Dia kasi saya ilham di tempat yang tidak diduga," kata Jamiel.

Beliau kini sibuk di Kuala Lumpur untuk mencari peluang berkolaborasi dengan artis yang sepadan dengannya dan masih membuat persiapan bagi single ketiga.

► *Persembahan showcase percuma, Malam Akustik bersama Jamiel Said, akan diadakan pada 8.45 hingga 10.45 malam ini di Esplanade Waterfront.*